



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

SEMESTER I

PGT 223 KAEDAH MENGAJAR GEOGRAFI I

LAPORAN TUGASAN ANALISIS

PENDIDIKAN MASSA BERSIFAT TIDAK FORMAL

DISEDIAKAN OLEH : SITI ZULAIKHA BINTI HASAN

NO KAD PENGENALAN : 960529-08-5648

NO MATRIK : 136505

ALAMAT E-MEL : zulaikha.hasan96@gmail.com

NO TELEFON : +6011-52204588

DISEDIAKAN UNTUK : PM DR. MOHAMMAD ZOHIR BIN

AHMAD @ SHAARI

WAKTU TUTORIAL : KHAMIS (10.00 AM-11.00 AM)

1.0 Pengenalan

Dalam dunia yang serba canggih ini, media sosial seakan telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat tak kiralah sama ada orang dewasa, hatta kanak-kanak yang masih bersekolah juga sudah mempunyai akaun media sosial masing-masing. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa media sosial berperanan baik sebagai jaringan perhubungan antara individu yang berjauhan, malah menjadi satu medium yang penuh dengan informasi dan berita terkini. Walau bagaimanapun, informasi yang dihebahkan di media sosial tidak semestinya merupakan informasi yang bermanfaat atau pun informasi yang betul. Terdapat segelintir pihak yang mempunyai kepentingan tertentu, menghebahkan maklumat palsu yang kemudiannya tular dan mula dipercayai oleh masyarakat.

Oleh itu, saya berpendapat tugasan yang diberikan ini adalah bertujuan untuk melatih bakal-bakal guru agar bukan sahaja berupaya mendidik pelajar secara formal di sekolah, tetapi menggunakan kemahiran mendidik dan pengetahuan sedia ada, untuk mendekati masyarakat dan mendidik secara tidak formal berkaitan kepentingan melestarikan persekitaran mereka dalam domain aspek persekitaran fizikal dan sosial dengan menggunakan kelebihan platform media sosial seperti *Twitter*, *Facebook*, *Instagram* dan lain-lain. Tugasan ini juga pada saya adalah untuk membantu masyarakat mendapatkan maklumat yang lebih sahih.

Dalam tugasan ini saya telah memilih untuk menggunakan media sosial *Facebook* berbanding media sosial lain kerana pada saya pengguna *Facebook* ini meliputi pelbagai lapisan masyarakat berbanding media sosial lain hanya menjadi tumpuan generasi Y dan Z. Bagi tema hantaran status yang saya lakukan, status pertama adalah berkaitan lestari persekitaran fizikal iaitu berkenaan penderaan haiwan, dan status yang kedua adalah menggunakan tema lestari persekitaran sosial berkenaan bahasa.

2.0 Analisis dan Perbincangan Hantaran Status Facebook Pertama

2.1 Status

 **Siti Zulaikha** is 😢 feeling devastated.
November 23 at 8:26 AM · 

Dunia semakin maju, manusia semakin pintar, namun nilai kemanusiaan semakin luntur.

GAJAH BUKAN KENDERERAN 😢

Gambar-gambar ini menunjukkan dua contoh penderaan haiwan yang berlaku di Sri Lanka India, yang berakhir dengan kematian yang memilukan.

Pertama, gajah yang bernama Tikiri, berusia 70 tahun mati pada September 2019. Yang lebih memilukan, Tikiri telah dipakaikan kostum untuk menutup tubuh sebenarnya yang kurus untuk festival Esala Perhera di Sri Lanka.

Tidak menginsafkan mereka setelah apa yang berlaku pada Tikir, seekor gajah berusia 18 tahun pula mati pada bulan ini, akibat kepenatan membawa penumpang sebanyak 3 kali sehari, sehari selepas ia dipaksa mengikut satu perarakan.

Apakah pandangan anda tentang isu ini?
Adakah kes penderaan haiwan turut berlaku di negara kita?
Apakah peranan kita dalam hal ini?

Penuhkan ruangan komen dengan pandangan anda 😊
Dan ayuh share banyak-banyak untuk wujudkan kesedaran bersama.

#DuniaLestariKamiPeduli
#TutorialDrZohir1011



  50

46 Comments 5 Shares

2.2 Komen

-  **Noor Izzati Abdul Hanid** Kejam..macam mana boleh smpai x da hati perut macam tu
Sad · Reply · 3w  1
- ↳  Siti Zulaikha replied · 3 Replies
-  **Noorasfarina Jul Akmad** Sedih dan kesian bila tengok haiwan yang sepatutnya dipelihara dan dijaga dengan sebaiknya semakin pupus disebabkan keghairahan manusia mengejar makna keduniaan dan keuntungan 😢
Sad · Reply · 3w  1
- ↳  Siti Zulaikha replied · 3 Replies
-  **Nur Ameera** Kejamnya,mereka menyiksa haiwan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata
Like · Reply · 3w  1
- ↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Nazifah Najiha** Dulu pernah terfikir macam mana mereka boleh jinakkan haiwan liar sehingga haiwan ini boleh dijadikan sebagai mainan buat mereka. Tak sangka mereka menganiayai dan menyakiti haiwan untuk keuntungan sendiri. Harapnya situasi macam ni tak terjadi di Malaysia.
Like · Reply · 3w  1
- ↳  Siti Zulaikha replied · 2 Replies
-  **Noor Yusrina** Tu laa, sy pon x stju dngn sstgh pihak yg kaut untung dgn aniaya haiwan.. Ksian tgk gajah2 tu jd bahan mainan oleh plncng dan pengusaha.
Sad · Reply · 3w  1
- ↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **HerMan Abdullah** sayu melihat keadaan binatang terpelihara dilakukan sebegini..manusia hnya ingin mencari keuntungan walaupun alam mendapat kerugian yg sgt besar
Sad · Reply · 3w  1
- ↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Nurul 'Aifaa** Kesiannya gajah tu zu.. manusia ni kalau dah nampak keuntungan mula la bertindak mcm ni.. tak patut betul.. seeloknya tindakan undang-undang dikuatkuasakan untuk mereka yang melakukan penderaan terhadap haiwan ni.. biar mereka rasa apa yang gajah tu rasa.
Like · Reply · 3w  1
- ↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply



Haziqah Ramlee Dunia makin maju, manusia semakin pintar tetapi nilai kemanusiaan semakin terhakis. Ini adalah satu contoh penganiayaan kepada haiwan. 😢

Sad · Reply · 3w



↳ Siti Zulaikha replied · 2 Replies



Siti Nadia Hasan Disebabkan isu inilah, masa vacation trip kami ke Thailand,tak lalu rasanya nak menunggang gajah. Sedih. 😢

Banyak juga kes2 penderaan haiwan kat negara kita. Ada yang dah masuk berita..

Rakaman CCTV tentang penderaan kucing,kan. cekik.jerut.dekat flat mana ntah aritu ada tengok berita.

Love · Reply · 3w



↳ Siti Zulaikha replied · 1 Reply



Siti Nadia Hasan Nina Nuar

Like · Reply · 3w



Nina Nuar Siti Nadia Hasan dulu masa akak duk melaka pun. Ada kete lembu padang hiliran tu. Xsanggup nak naik. Walau masa tu kecik lg.

Tgk mata lembu nangis....😢

Sad · Reply · 3w



Afiqa Shazlin Kesiannya tengok 😢 manusia sekarang semakin rakus dan tidak berperikemanusiaan untuk kaut keuntungan. Perbuatan menganiaya binatang mmg perlu dielakkan, sepatutnya mereka dipelihara dgn baik dan disayang.

Sad · Reply · 3w



↳ Siti Zulaikha replied · 1 Reply



Abdul Majid Bidin manusia semakin ketandusan sifat perikemanusiaan.

Sad · Reply · 3w



↳ Siti Zulaikha replied · 1 Reply



Siti Norhidayu Kejamnya! Seolah-olah takde perasaan buat gajah ni macam ni. 😭

Dah kurus sangat2 macam tu pun masih nak tunggang dalam festival tu! 😭

Pihak berkuasa sepatutnya buat sesuatu. Haramkan binatang dijadikan kenderaan ke. Ambil tindakan atas manusia² yang takde perikemanusiaan macamni. 😞

Sad · Reply · 3w



Nuri Lacatta Bukan setakat luar negara.. Dalam negara Kita pun ramai. Terutama sekali binatang peliharaan ni... Sebab nak kaut keuntungan hilang nilai kasihan binatang... 😢😢😢

Like · Reply · 3w



Yana Razali Sedihnya, kesian dekat gajah tu. Sanggup mereka buat gajah macam tu semata-mata nak dapatkan keuntungan. Kejam gila. 😢

Like · Reply · 3w



Haziqah Ramlee Azrina Mohd Alip Apa pandangan anda ?

Like · Reply · 3w



Thevi Kasinathan This should be stopped immediately before we lost all those precious animals..



Sad · Reply · 3w

↳ Siti Zulaikha replied · 1 Reply



Zaima Zainuddin This shouldn't happened since many organisations already start to spread the awareness but those illegal hunter never stop because they don't care & no scare to get punishment. Maybe government & certain organizations should revise the laws to avoid more severe case regarding to these extinction animal.

Like · Reply · 3w



↳ Siti Zulaikha replied · 1 Reply



Nor Hidayah Kesiannya gajah tu

[Like](#) · [Reply](#) · 3w

1



Nurul Alis Isu tunggang gajah ni dah lama dah bagi awareness, tapi masih tak faham masih ada yang tak segan silu share stories/gambar tunggang gajah time holiday.



Nadia Halyza Tak patut jadikan haiwan sebagai medium untuk dapatkan hasil keuntungan. Kesian gajah tu, dia pun ada hati dan perasaan macam kita 😢

[Like](#) · [Reply](#) · 2w

1



Nur Aliia saya berpendapat, pelanggan juga memainkan peranan penting dengan tidak memberi samutan akan aktiviti begini agar mereka tidak memperoleh pendapatan dan mendapatkan duit dengan cara lain tanpa menyeksa gajah dan yang lain

[Like](#) · [Reply](#) · 2w

1

2.3 Analisis dan Perbincangan

Berdasarkan paparan status dan komen di bahagian 2.1 dan 2.2 di atas, kita dapat lihat, hantaran tersebut mendapat 50 *like*, 46 komen dan 5 orang yang kongsikan status tersebut di akaun *Facebook* masing-masing.

Analisis pertama, adalah mengenai *like* yang diberikan. Daripada 50 tanda *like* berkenaan, 7 daripadanya menggunakan emoji sedih. Kemudian, daripada 50 tanda *like* itu, 8 daripadanya adalah datang daripada individu yang tidak berkawan dengan saya di *Facebook*. Pada saya, walaupun jumlah 50 *like* ini adalah sedikit jika dibandingkan dengan jumlah *like* yang diterima oleh individu lain, namun pada saya ia adalah memadai dan boleh dianggap banyak kerana kawan di *Facebook* saya hanyalah 311 orang. Daripada jumlah 50 tersebut juga, 7 daripadanya adalah masyarakat luar, yang langsung tidak saya kenali sama ada secara maya ataupun di alam realiti. Pada saya, ini adalah kerana terdapat 5 kongsian status tersebut oleh rakan-rakan di *Facebook*, oleh itu status itu pasti telah muncul di *wall* mereka dan mendapat perhatian individu lain.

Analisis kedua adalah berkenaan komen-komen yang telah diberikan oleh masyarakat di *Facebook*. Terdapat 46 komen secara keseluruhannya. Jika kita analisis komen-komen yang diberikan, majoriti komen yang diberikan meluahkan rasa kesedihan melihat kekejaman yang dilakukan terhadap gajah tersebut. Ada juga di antara komen yang diberikan, merasakan amat tidak patut demi mengaut keuntungan, gajah tersebut diseksa hingga kurus dan mati. Masyarakat di *Facebook* juga mengharapkan tindakan tegas daripada sudut undang-undang dan berharap agar pihak berkuasa memainkan peranan mereka sebaik yang mungkin untuk mengatasi masalah penderaan haiwan ini. Selain itu, ada juga yang meninggalkan komen dan memulakan perbincangan sama ada kes penderaan haiwan seperti di Sri Lanka India tersebut, berlaku di Malaysia. Maka, ada individu yang memberikan contoh kes-kes penderaan haiwan terutamanya binatang peliharaan misalnya kes kucing yang dimasukkan ke dalam pemanas pakaian di kedai dobi layan diri. Menariknya, terdapat rakan di *Facebook* yang tidak hanya melihat bahawa pihak berkuasa perlu memainkan peranan, namun melihat bahawa pelanggan juga sebenarnya menyumbang kepada bermaharajalela isu penderaan haiwan ini. Ada di antara mereka, yang menceritakan pengalaman mereka bercuti di luar negara misalnya di Thailand dan menolak pelawaan untuk ikut serta dalam aktiviti menunggang gajah. Ada juga yang menggunakan contoh yang lebih hampir dengan masyarakat contohnya menaiki kereta lembu di Padang Hilir Melaka.

Satu kesimpulan kecil yang dapat dilakukan berdasarkan analisis di atas ialah, status berkenaan berjaya menarik perhatian masyarakat di *Facebook*, berkenaan satu isu yang mungkin sudah lama mereka sedia maklum iaitu penderaan haiwan, namun apabila dipaparkan dengan berita terkini mengenai kematian Tikiri, disertai dengan gambar-gambar yang menyayat hati, ia secara tidak langsung menyedarkan mereka bahawa isu ini masih belum selesai dan ia membawa kepada pelbagai bentuk perbincangan berbentuk kesedaran, dan pendapat yang bermanfaat untuk dikongsikan kepada masyarakat lain yang membacanya.

3.0 Analisis dan Perbincangan Hantaran Status Facebook Kedua

3.1 Status



Siti Zulaikha is with Muhammad Hazwan Mohd Zairi and 9 others.

November 22 at 11:28 PM ·

...

RUTIN HARIAN SAYA, YANG SAYA TAK SEDAR TELAH MENYUSAHKAN ORANG LAIN 😞

Atas sebab rasa ingin tahu bagaimana orang yang tidak dapat melihat, boleh menggunakan aplikasi WhatsApp dan Facebook, semasa sesi temu bual bersama Encik Ilham, kami telah meminta beliau memberikan penerangan.

Tetapi, rasa teruja dan kagum saya, telah bertukar menjadi perasaan tersentap, sedih dan malu dengan diri sendiri apabila beliau melakukan demonstrasi membaca chat yang saya kirimkan kepada beliau. (Kalau nak fast forward video, boleh lihat mulai minit ke 1:14)

Apabila saya menggunakan singkatan, saya sebenarnya telah menyusahkan beliau untuk membaca teks berkenaan.

Sebelum ni, pernah je terbaca tentang "jenayah penulisan". Boleh rujuk Facebook Khairul Hakimin Muhammad. Bila baca, langsung tak ambil perhatian sebab rasa "eh aku tak buat pun, aku bukan tulis guna bahasa rempit", tapi terlupa menggunakan singkatan juga sebahagian daripadanya.

Oh ya, setiap penulisan yang ditulis dengan menggunakan ejaan yang betul juga dapat diterjemahkan kepada banyak bahasa lain. Sekiranya ejaan salah, ia tidak dapat diterjemahkan melalui "see translation"

Jadi azam baru, 😊😊

Lepas ini setiap posting, comment, story, chat, semuanya nak menggunakan ejaan yang betul tanpa singkatan!

Jadi, anda bagaimana?

Penuhkan ruangan komen dengan pandangan anda 😊

Dan ayuh share banyak-banyak untuk wujudkan kesedaran bersama.

p/s: Tengok video sampai habis dan tag kawan-kawan yang Encik Ilham mention storynya semasa demonstrasi.

#DuniaLestariKamiPeduli

#TutorialDrZohir1011



Watch this video with your friends

Start Watch Party



73

44 Comments 13 Shares

3.2 Komen

-  **Nurul Zahieda** Terbaiklah. Boleh perbaiki ke arah yang yang lebih baik. Terima kasih zu ingatkan akak. 😍
Love · Reply · 3w 
-  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Nurul Shifa** Satu perkongsian yang baik. Semoga memberi manfaat kepada semua orang di luar sana 😊
Love · Reply · 3w 
-  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Haziqah Ramlee** Satu info yang baru bagi saya. Umumnya kita tahu bahawa media sosial merupakan medium komunikasi sama ada melibatkan hal formal atau pun tidak. Ia juga begitu dekat dengan masyarakat lebih-lebih lagi penggunaan whatsapp yang banyak kita gunakan dalam rutin seharian. Saya berpandangan disebabkan ia meliputi kebanyakan hal, kita kurang cakna penggunaan tulisan kita sendiri termasuklah dari segi ejaan mahupun singkatan. Malah, kadang kala mesej tulisan hanya diganti dengan emoji marah, gembira dan sebagainya. Namun dari perkongsian anda, ia menjadi kesulitan sebenarnya untuk mesej yang mempunyai ejaan yang tidak betul dan singkatan terutamanya bagi golongan kelainan upaya. Ejaan dalam tulisan dan singkatan bukanlah benda remeh temeh lagi setelah "see translation" pun tidak mampu membantu. Perkara ini jugalah membuka ruang kepada masalah komunikasi. Mari lestarkan!
Like · Reply · 3w · Edited 
-  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Aisyah Shaari** Wowww. Salah satu ilmu baru nii.. 
Like · Reply · 3w 
-  **Umie Umayra** good sharing 
Like · Reply · 3w 
-  **Farah Hasuna** Terima kasih zulaikha atas perkongsian ini 😊😊
Like · Reply · 3w 
-  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Nur Akalili** Perkongsian yang bagus dan boleh diperaktikkan selepas ini 
Like · Reply · 3w 
-  Siti Zulaikha replied · 1 Reply

-  **Noor Yusrina** Good sharing zuuu 😊 1
Love · Reply · 3w
↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Nurul 'Aifaa** Ohh baru tahu.. tq zu 1
Love · Reply · 3w
↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Siti Norhidayu** MasyaAllah! Selama ni tak pernah terfikir yang mereka yang istimewa ni pun guna Whatsapp dan Facebook.
Now baru saya tahu. ... See More 1
Love · Reply · 3w · Edited
↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Azwan Azam** Wow...ilmu baru... Tak pernah tahu...nice sharing ika...
👍😍 1
Like · Reply · 3w
↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Ilham Cleverley** alhamdulillah,, semoga ada perkongsian yang lebih banyak selepas ini,, glory gloryy 😊😊 1
Like · Reply · 3w
↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Muhammad Hazwan Mohd Zairi** Teknologi mesra org kelainan upaya...baru tau mcm tu rupanya nk type mesej...hebat2...salah satu tnda.kebesaran allah...penglihatan milik allah....ada mata yg sempurna blom tentu dpt melihat... 1
Like · Reply · 3w
↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Hazreen Hazr** teruja sangat tonton tutorial tu 😊 2
Like · Reply · 3w
-  **Siti Nadia Hasan** https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=907511509631105&id=100011167923782 1
Like · Reply · 3w
↳  Siti Zulaikha replied · 1 Reply
-  **Abdul Majid Bidin** Satu perkongsian yang bagus.ilmu baru 😊 1
Like · Reply · 3w
-  **Wanie Tasnimuddin** Nice sharing! 🙌 1
Like · Reply · 3w



Nor Hidayah Perkongsian yang sangat menarik. Teknologi telah memberikan banyak kelebihan sebenarnya jika kita menggunakan dengan sebaiknya.

Like · Reply · 3w

↳ Siti Zulaikha replied · 1 Reply



Suraya Mariana Yahya Wah, sangat menarik. Selalunya guna kata singkatan ni untuk chat dgn kawan, kalau urusan rasmi mungkin lebih biasakan guna ejaan penuh.

Love · Reply · 3w · Edited

1

↳ Siti Zulaikha replied · 1 Reply



Nurul Alis wow ika perkongsian yang menarik. Tak sangka ya teknologi membantu macam tu sekali. Lepas ni Alis pun dah boleh start ubah taip penuh penuh hehehehe

Love · Reply · 3w

1



Celine Raya Wow, info yang menarik

1

Like · Reply · 3w



Siti Zulaikha Nur Amalia awak whatsapp encik ilham guna ejaan penuh tak... 😅

Like · Reply · 3w

1

↳ Nur Amalia replied · 2 Replies



Nurul Hafiza Wahhh .. Infoo yang sangat menarikk .. 😊

1

Love · Reply · 2w

1



Azizah Hassan Good info



1

Love · Reply · 2w



Nur Alia really nice..unexpected...

Like · Reply · 2w

3.3 Analisis dan Perbincangan

Jika dibandingkan dengan status yang pertama, status kedua ini mendapat lebih banyak tanda *like* dan *share* iaitu sebanyak 73 *like*, 13 *share* dan 44 komen. Berdasarkan analisis yang saya lakukan, sebenarnya terdapat beberapa aspek yang menyebabkan status kedua ini mendapat perhatian yang lebih oleh masyarakat di *Facebook* walaupun hantaran kedua-dua posting ini adalah berdekatan.

Pertama, status kedua ini lebih menarik kerana menggunakan tarikan video berbanding status pertama yang menggunakan tarikan bergambar. Kedua, video yang dimuat naik di status berkenaan juga adalah satu video yang baru, yang tidak pernah dilihat oleh masyarakat *Facebook* di mana-mana kerana ia adalah video yang dirakam sendiri oleh saya, malah inti pati rakaman video tersebut juga adalah menarik mengenai bagaimana orang OKU yang buta penglihatan menggunakan aplikasi WhatsApp dan media sosial seperti *Facebook*. Ketiga, status kedua ini saya telah melakukan satu uji kaji yang berbeza berbanding status pertama, di mana saya telah *tag* 10 akaun individu lain di *Facebook* misalnya akaun rakan-rakan, beberapa orang ahli keluarga dan juga akaun Encik Noorilham, individu dalam video tersebut. Teknik ini menyebabkan hantaran status saya tersebut turut berada di *wall* mereka dan ini membolehkan ia mendapat perhatian yang lebih meluas berbanding hanya dilihat oleh rakan-rakan saya di *Facebook*.

Analisis seterusnya ialah mengenai *like*, dan komen yang telah diberikan. Bagi jumlah *like*, daripada 73 itu, 9 telah memberikan emoji *love*, dan bakinya adalah emoji *like*. 29 daripadanya atau 40% adalah diterima daripada bukan kenalan saya, sama ada di Facebook mahupun di dunia nyata. Ini menunjukkan bagaimana status ini, lebih berjaya mendekati masyarakat di luar sana berbanding status pertama yang majoriti like dan komennya datang daripada kenalan saya di *Facebook*. Ini juga adalah berpunca daripada jumlah kongsian status yang lebih banyak iaitu sebanyak 13 kongsian.

Analisis seterusnya adalah daripada komen-komen yang telah diberikan. Dapat disimpulkan, 100% komen yang diberikan, menyatakan keterujaan mereka mendapat satu ilmu baharu yang tidak pernah mereka ketahui sebelum ini. Ada di antara mereka juga menyatakan rasa kagum terhadap kecanggihan teknologi, dan ramai juga di antara mereka yang mula mendapat kesedaran bahawa adalah amat penting untuk kita menulis di media sosial dengan menggunakan tulisan penuh tanpa singkatan kerana ia akan memudahkan insan-insan OKU tersebut “mendengar” tulisan kita itu. Ini amat menarik kerana, apabila saya melakukan pemerhatian susulan, individu-individu yang berazam untuk menulis tanpa menggunakan singkatan tersebut, benar-benar melakukannya sama ada di media sosial mereka mahupun perbualan di dalam WhatsApp. Ini adalah bertepatan dengan tujuan utama saya memilih isu ini, kerana dalam persekitaran komuniti kami di dalam USM, terdapat beberapa orang tutor sejarah kami di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang merupakan cacat penglihatan. Salah seorangnya adalah individu dalam video. Malah, terdapat juga rakan satu kelas yang cacat penglihatan. Oleh itu, adalah amat penting kesedaran diberikan mengenai isu ini agar memudahkan interaksi maya mereka yang cacat penglihatan ini dengan kita yang mungkin tidak pernah terfikir mengenai isu ini.

4.0 Rumusan

Berdasarkan keseluruhan tugas ini, terdapat beberapa pandangan yang boleh saya utarakan. Pertama, mendidik secara maya hanya akan memberikan impak yang tinggi kepada masyarakat luar yang lebih luas skalanya, jika kita mempunyai pengikut yang ramai di media sosial. Dalam erti kata yang sering digunakan sekarang ialah *Social Media Influencer*. Oleh itu, jika guru Geografi berkeinginan untuk mendidik masyarakat umum mengenai dunia lestari, langkah yang paling utama ialah guru perlu konsisten memuat naik pelbagai hantaran status yang bukan sahaja bermanfaat, namun mempunyai daya tarikan

yang tersendiri sehingga ia boleh menjadi tular. Penularan status-status tersebut akan meningkatkan jumlah pengikut di media sosial, dan ini akan membolehkan guru terus menerus mendidik masyarakat umum secara maya. Ini bermaksud, guru perlu sentiasa kreatif dalam menghasilkan penulisan di media sosial yang boleh memberikan impak kepada masyarakat.

Pandangan saya ini menunjukkan bahawa, sekiranya guru tidak mempunyai pengikut yang ramai, contohnya seperti analisis tugasan yang saya telah lakukan ini, dengan hanya mempunyai kenalan seramai 311 orang di *Facebook*, ia tidak begitu berjaya untuk mendidik masyarakat luar dengan skala yang besar. Ia hanya berjaya memberikan kesedaran dan mendidik masyarakat yang lebih dekat dengan diri sendiri misalnya ahli keluarga dan rakan-rakan.

Selain itu, pemilihan inti pati yang ingin disampaikan kepada masyarakat juga adalah penting. Dengan banyaknya *page*, *influencer* di media sosial, kita perlu bersaing bagi menghasilkan hantaran yang dapat menarik perhatian masyarakat. Misalnya berdasarkan kedua-dua hantaran yang saya lakukan, kita dapat melihat bagaimana isu yang belum diketahui, mendapat perhatian yang lebih daripada masyarakat. Selain itu, pemilihan media sama ada video, gambar malah bentuk penulisan yang dihasilkan juga amat penting dalam menentukan sama ada ia boleh menarik perhatian masyarakat sekali gus menimbulkan kesedaran dan mendidik secara tidak langsung.

Kesimpulannya, saya tidak menafikan bahawa mendidik secara maya ini adalah juga merupakan tugas seorang guru kerana platform media sosial ini telah menjadi amat dekat dengan masyarakat. Masyarakat lebih gemar mendapatkan berita melalui media sosial berbanding menonton berita di televisyen ataupun membeli akhbar. Oleh itu, adalah amat baik jika guru dapat memanfaatkan kelebihan media sosial ini dengan menjadikan ia sebagai platform untuk menyebarkan maklumat yang dapat mendidik masyarakat.